

Rujukan kami: UMP.03.08/100-1/3/2 (3)
Tarikh: 14 April 2023

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.
YH Prof. Dato'/ Prof./ Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL.3 TAHUN 2023
PERATURAN UNTUK MERAIKAN PEGAWAI YANG BERSARA DI UNIVERSITI
MALAYSIA PAHANG**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil.3 Tahun 2023 berkenaan Peraturan Untuk Meraikan Pegawai Yang Bersara Di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan YH Prof. Dato'/ Prof/ Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, selanjutnya.


Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menandatangani amanah,



(ZAINUDIN BIN OTHMAN)
Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang

ZO/NFMS/Surat/Pekeliling/ Surat Pekeliling Bendahari Universiti/ Folder Dasar & Pematuhan



PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2023

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

YH Prof. Dato / Prof. / Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

PERATURAN UNTUK MERAIKAN PEGAWAI YANG BERSARA DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 TUJUAN

Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk menetapkan kadar dan peraturan untuk meraikan pegawai Perkhidmatan Awam yang bersara di Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Perbendaharaan Malaysia mengeluarkan Pekeliling WP 5.2 Peraturan Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara (Kuat Kuasa 1 Januari 2023);
- 2.2 Pekeliling ini sebelum ini telah diterima pakai sebagaimana Pekeliling Bendahari Bil 8 Tahun 2020 Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Yang Bersara Di UMP;
- 2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Ke-195 Bil.2/2023 pada 18 Januari 2023 telah meneliti kertas cadangan ini dan bersetuju menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan WP5.2;
- 2.4 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke-54 Bil 1/2023 bersetuju meluluskan menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan WP5.2 Peraturan

Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara (Kuat Kuasa 1 Januari 2023) di Universiti Malaysia Pahang.

3.0 PERATURAN

3.1 Jamuan

Kadar penyediaan jamuan adalah tidak melebihi RM60.00 seorang. Bilangan tetamu hendaklah dihadkan kepada pegawai yang bersara dan jemputan yang perlu sahaja.

3.2 Hadiah Penghargaan

Pegawai yang bersara boleh diberikan hadiah penghargaan dalam apa-apa bentuk yang bersesuaian dengan kadar keseluruhan tidak melebihi RM600.00 seorang.

3.3 Sijil Penghargaan

Pemberian dan penyediaan Sijil Penghargaan hendaklah merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Ceraian PP.1.2.10: Sijil Penghargaan Kepada Pesara dan Bekas Pegawai Awam dan pindaannya.

3.4 Syarat-Syarat

- (i) Pegawai Perkhidmatan Awam yang layak diraikan terdiri daripada pegawai yang bersara wajib, bersara atas sebab kesihatan dan bersara pilihan;
- (ii) bagi pesara pilihan, pegawai hendaklah telah berkhidmat secara tetap dengan Kerajaan tidak kurang daripada 15 tahun;
- (iii) bagi pesara yang bersara atas sebab kesihatan, pegawai boleh diraikan tanpa mengambil kira tempoh perkhidmatan pegawai dengan Kerajaan;
- (iv) pegawai layak diraikan sekali sahaja sama ada dianjurkan oleh Universiti;
- (v) majlis hendaklah diadakan sekali setahun sahaja. Penganjuran majlis digalakkan di peringkat Universiti yang meliputi semua Pusat Tanggung Jawab;
- (vi) lokasi penganjuran majlis seboleh-bolehnya diadakan di kawasan Universiti;

- (vii) Universiti seboleh-bolehnya mengadakan majlis persaraan semasa pegawai masih dalam perkhidmatan untuk mengelakkan perbelanjaan kepada pegawai setelah bersara seperti tambang perjalanan (Tambang Pengangkutan Awam/ Elaun Perjalanan Kenderaan/ Tiket Kapal Terbang).

4.0 HAL-HAL LAIN

- 4.1 Mana-mana majlis melebihi kadar yang dinyatakan di atas, boleh menampungnya melalui sumber lain seperti daripada Tabung Amanah;
- 4.2 Jabatan yang menguruskan majlis hendaklah memastikan pelaksanaan peraturan ini dipatuhi sepenuhnya; dan
- 4.3 Sekiranya majlis diadakan setelah pegawai bersara, pesara yang menghadiri majlis persaraan layak menuntut tambang perjalanan (Tambang Pengangkutan Awam/ Elaun Perjalanan Kenderaan/ Tiket Kapal Terbang) mengikut kelayakan gred terakhir sebelum bersara di bawah Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 dan pindaannya.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa serta-merta. Dengan berkuatkuasanya pekeling ini, Pekeliling Bendahari Bil. 8 Tahun 2020 adalah dibatalkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menandatangani amanah,


(ZAINUDIN BIN OTHMAN)

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 14 April 2023

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang